



# جاتن کحاکیمن شرعیة ملیسیا

DEPARTMENT OF SYARIAH JUDICIARY MALAYSIA

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62677 PUTRAJAYA

TEL: 03-888 64800  
FAKS: 03-888 91627

---

JKSM /100-24/5 Jld. 4 ( 23 )

29 Jamadilawwal, 1428H/  
15 Jun, 2007M

**Y.A.A Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-mahkamah Syariah  
Negeri-negeri**

## Arahan Amalan No. 9 Tahun 2007

### Amalan Pengesahan Perkahwinan Yang Berlawanan Dengan Peruntukan Akta / Enakmen / Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil. 1 Tahun 2007 pada 28hb. hingga 30 Rabiuulawwal, 1428H bersamaan 16hb. hingga 18hb. April 2007 di Melaka dan pengesahan Mesyuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri Seluruh Malaysia Kali Ke 42 pada 25 Jamadilawwal, 1428H bersamaan 11 Jun, 2007M telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung dengan Amalan Pengesahan Perkahwinan Yang Berlawanan Dengan Peruntukan Akta / Enakmen / Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam. Oleh yang demikian, Hakim Syarie hendaklah menggunakan pakai amalan ini dalam prosiding kes mal yang berhubung dengan permohonan pengesahan perkahwinan tersebut.

2. Berdasarkan peruntukan sub seksyen 12(2) Akta/Enakmen/ Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam, Hakim boleh mengesahkan perkahwinan yang telah diupacarakan berlawanan dengan mana-mana peruntukan Bahagian II Akta / Enakmen / Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam dan membuat perintah mengenai kesahihan perkahwinan tersebut atas permohonan mana-mana pihak untuk tujuan pendaftaran.
3. Bersama-sama ini disertakan Amalan tersebut untuk diterima pakai di Negeri-Negeri.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 15 Jun 2007.



(**Datuk Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman**)  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.  
PUTRAJAYA

## LAMPIRAN

### **AMALAN PENGESAHAN PERKAHWINAN YANG BERLAWANAN DENGAN PERUNTUKAN AKTA / ENAKMEN / ORDINAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM**

Ketua Hakim Syarie menetapkan amalan pengesahan perkahwinan yang berlawanan dengan peruntukan Akta / Enakmen / Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam seperti berikut :-

Jika permohonan dibuat kepada Mahkamah untuk menentukan sah atau tidaknya perkahwinan yang diupacarakan berlawanan dengan mana-mana peruntukan Akta/Enakmen/Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam, Hakim hendaklah –

- i) memastikan bahawa afidavit yang menyokong permohonan mengandungi pernyataan mengenai status perkahwinan yang hendak disahkan sama ada poligami atau sebaliknya. Sekiranya perkahwinan tersebut adalah perkahwinan poligami, Hakim hendaklah merafa'kan permohonan tersebut ke Mahkamah Tinggi Syariah;
- ii) memastikan pemohon mengemukakan surat perakuan nikah asal yang sah dan diperakui oleh pihak berkuasa yang berkenaan dan terjemahan dalam Bahasa Melayu (jika surat perakuan asal bukan dalam Bahasa Melayu) ;

**Huraian 1:** Pihak Berkuasa bermaksud pihak yang diberi kuasa mengesahkan perkahwinan orang-orang Islam di mana-mana wilayah, negeri atau negara berkenaan.

**Misalan 1:** A dan B telah melangsungkan perkahwinan mereka di Wilayah Narathiwat, Thailand . Surat perakuan nikah yang dikeluarkan oleh Jurunikah Wilayah Narathiwat hendaklah disokong dan disertakan dengan surat pengesahan oleh Yang Di Pertua Majlis Agama Islam Narathiwat, Thailand.

**Misalan 2:** A dan B telah melangsungkan perkahwinan mereka di Wilayah Persekutuan. Surat perakuan nikah hendaklah disahkan oleh Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk Wilayah Persekutuan.

### **Huraian 2.**

Surat perakuan nikah dalam bahasa selain daripada bahasa Melayu hendaklah disertakan dengan terjemahan dalam bahasa Melayu oleh penterjemah yang diiktiraf.

iii) memerintahkan pemohon mengemukakan apa-apa dokumen sokongan yang diperlukan bagi menyakinkan kesahihan kenyataan dalam surat perakuan nikah seperti pasport, visa dan sebagainya ;

iv) memerintahkan pemohon mengemukakan wali, jurunikah atau saksi-saksi (mana-mana yang berkenaan) untuk memberikan keterangan, jika Hakim meragui kebenaran kenyataan dalam Surat Perakuan Nikah tersebut mengenai rukun dan syarat-syarat nikah mengikut Hukum Syarak atau pemohon gagal mengemukakan surat perakuan nikah dan dokumen sokongan yang diperlukan.

**Misalan** : A dan B bernikah di rumah B di Khartoum, Sudan dengan berwalikan bapanya sendiri dan disaksikan oleh dua orang saksi nikah yang sah ingin mendaftarkan perkahwinannya di Wilayah Persekutuan. Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk Wilayah Persekutuan meminta A dan B mengemukakan surat perakuan nikah tetapi gagal dikemukakan. Pendaftar enggan mendaftarkan perkahwinan mereka lalu mereka memohon kepada Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan untuk mengesahkan perkahwinan tersebut.

**Huraian** : Hakim dalam menentukan sah atau tidaknya perkahwinan tersebut hendaklah memerintahkan pemohon mengemukakan wali dan saksi-saksi yang hadir dalam upacara perkahwinan untuk memberikan keterangan.

Sekiranya bapa telah meninggal dunia atau gagal dikesan, keterangan saksi-saksi yang hadir dalam upacara perkahwinan tersebut adalah memadai.

- (v) sekiranya pemohon gagal mengemukakan wali, jurunikh, saksi-saksi atau dokumen-dokumen yang diperlukan, Hakim hendaklah menentukan sahnya perkahwinan yang dipohon berdasarkan peruntukan mengenai *qarinah* dalam Akta/Enakmen/Ordinan Keterangan Mahkamah Syariah Negeri atau Arahan Amalan No. 2 Tahun 2006 - Amalan Sumpah Mahkamah Syariah;

- (vi) jika Hakim mendapati perkahwinan berkenaan sah mengikut Hukum Syarak, Hakim hendaklah membuat perintah untuk perkahwinan tersebut didaftarkan; dan
- (vii) jika Hakim mendapati perkahwinan berkenaan tidak sah mengikut Hukum Syarak, Hakim hendaklah membuat perintah pemisahan kehakiman (*faraq*).

Ketua Hakim Syarie Negeri \_\_\_\_\_